

Golf sosial dan diplomatik

UM 3 1 OCT 2004

Oleh AZNAN BAKAR

ETIAP individu tanpa mengira kedudukan dan pangkat, pastinya akan meluangkan masa untuk beriadah dan biasanya mempunyai kecenderungan ke arah sukan tertentu.

Dahulu ketika Tun Dr. Mahathir Mohamad menjadi Perdana Menteri, beliau menjadikan sukan berkuda sebagai aktiviti riadahnya.

Disebabkan minat di samping untuk bersenam bagi tujuan menyihatkan badan, Dr. Mahathir sering terlibat dalam aktiviti berkuda termasuk merentas desa terutama di sekitar Paya Indah.

Malah, minat dalam sukan itu juga telah mendorong bekas Perdana Menteri itu menjelajah kawasan pedalaman Argentina dengan kuda.

Bagi Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang mengambil alih tampuk pemerintahan negara daripada Dr. Mahathir Oktober tahun lalu, golf menjadi pilihan untuk beriadah bila ada kesempatan.

Lagi pula, bukanlah sesuatu yang luar biasa apabila Perdana Menteri bermain golf, kerana kebanyakan pemimpin dunia terlibat dalam aktiviti itu dan kadang-kadang ia digunakan untuk tujuan diplomatik dan merapatkan hubungan dua hala dengan negara lain.

Bagi Abdullah, minat yang tinggi dalam sukan itu tidak bermakna beliau sentiasa menghabiskan masa di padang golf.

Menurut sumber-sumber terdekat, Perdana Menteri hanya bermain golf jika terdapat jemputan seperti untuk tujuan amal selain untuk meraikan pemimpin dari luar negara.

Selain itu, beliau jarang mempunyai peluang untuk berbuat demikian kerana sibuk dengan tugas harian serta terpaksa pulang melawat kawasan pada setiap hujung minggu.

Namun ia tidak menghalang Perdana Menteri mengekalkan prestasinya.

Abdullah mula menceburi sukan itu sekitar tahun 1987 dan hingga kini beliau hanya bermain golf untuk tujuan sosial dengan handikap 21.

Di padang golf, watak Abdullah tidak berbeza dengan sikapnya ketika menjalankan tugas rasmi. Beliau tetap tenang, sabar dan mesra sesuai dengan disiplin golf itu sendiri yang memerlukan ketenangan dan kesabaran.

Jika bercakap dari segi keupayaan, Abdullah tergolong di kalangan pemain golf yang berkebolehan.

Pada usia 63 tahun, beliau masih mampu melakukan pukulan yang baik setiap kali melakukan tee-off.

Oleh itu tidak hairan jika bola beliau jarang tersasar dari 'fairway' yang mana ia akan memudahkan pukulan berikutnya ke 'green' dan seterusnya melakukan putting sama ada untuk cubaan 'birdie' atau 'par'.

Pukulan 'putting' beliau juga baik di mana jarang sekali melakukannya melebihi dua kali.

Gaya Abdullah ketika di padang golf

juga bersahaja dan sentiasa tenang biarpun ketika bermain dengan pemimpin-pemimpin asing dan terpaksa pula beraksi di hadapan kamera seperti pemain profesional.

Yang paling utama, walaupun golf kadang-kadang dipandang serong atau dijadikan isu oleh pembangkang, namun ia berupaya menjadi senjata untuk merapatkan hubungan diplomatik antara negara.

Kesempatan Abdullah untuk bermain golf dengan Goh Chok Tong ketika beliau masih menjadi Perdana Menteri Singapura, Januari lalu dilihat berjaya merungkai beberapa masalah yang membelenggu hubungan Malaysia dengan republik itu.

Begitu juga kesempatan bermain golf dengan rakan sejawat dari Thailand, Dr. Thaksin Sinawatra baru-baru ini juga dilihat mampu mengeratkan hubungan Malaysia-Thailand.

Bayangkan, di padang golf kedua-dua pemimpin itu mampu mengadakan pertemuan empat mata selama kira-kira empat jam, iaitu masa yang diperlukan untuk menghabiskan permainan golf 18 lubang.

Dalam tempoh itu tentu banyak perkara yang boleh diperkata dan dibincangkan sama ada membabitkan perkara rasmi atau tidak rasmi.

Apa yang jelas, setakat ini golf telah digunakan oleh Abdullah sebagai senjata diplomatik untuk mengendurkan atau mengatasi masalah yang berbangkit dengan negara jiran.